



KETUA PENGARAH KERJA RAYA
Jabatan Kerja Raya Malaysia
Ibu Pejabat JKR Malaysia
Jalan Sultan Salahuddin
50582 Kuala Lumpur



Telefon : (03) 2610 7001
Faks : (03) 2698 8187
Laman Web : <http://www.jkr.gov.my>

Rujukan : JKR.KPKR:113.020.050/03 Jld. (10)

Tarikh : 28 Mac 2014

Semua Pengarah Kanan/Pengarah Cawangan Ibu Pejabat JKR
Semua Pengarah Kerja Raya Negeri
Semua Pengarah/Pengurus Pembinaan
Pengarah JKR Unit Khas KESEDAR
Semua Jurutera Daerah

SURAT ARAHAN KPKR BIL. 8 /2014

PEMAKAIAN DOKUMEN *VALUE ENGINEERING APPLICATION GUIDELINES* FOR PUBLIC PROJECTS BAGI PELAKSANAAN KEJURUTERAAN NILAI UNTUK PROJEK KERAJAAN

1. TUJUAN

Surat Arahan ini bertujuan untuk memaklumkan mengenai pemakaian dokumen ***Value Engineering (VE) Application Guidelines For Public Projects*** iaitu dokumen versi Bahasa Inggeris bagi memperjelaskan panduan aplikasi kajian Kejuruteraan Nilai (*Value Engineering*) di dalam projek Kerajaan.

2. LATAR BELAKANG

- 2.1 Pembangunan dokumen ini merupakan inisiatif JKR bagi menerapkan pelaksanaan Kejuruteraan Nilai di dalam projek Kerajaan, iaitu selaras dengan Pekeliling **Unit Perancang Ekonomi (UPE)**, Jabatan Perdana Menteri, Bilangan 3 Tahun 2009 (bertarikh 29 Disember 2009) dan Panduan Pelaksanaan Pengurusan Nilai Dalam Program / Projek Kerajaan yang diterbitkan oleh UPE (bertarikh 24 Mei 2011). Pekeliling tersebut



CERTIFIED TO ISO 9001:2008
CERT. NO.: AR 4001



CERTIFIED TO ISO 14001:2004
CERT. NO.: ER 0281



telah menetapkan pelaksanaan Pengurusan Nilai ke atas program atau projek yang bernilai RM50 juta dan ke atas bagi memastikan program / projek berkenaan dapat memenuhi objektif dan fungsi yang disasarkan serta *value for money*.

- 2.2 Sebagaimana yang digariskan oleh panduan UPE tersebut, Kejuruteraan Nilai merupakan intervensi kajian peringkat kedua Pengurusan Nilai yang dilaksanakan semasa pembangunan rekabentuk dan diterajui oleh jabatan teknikal iaitu **Jabatan Kerja Raya (JKR)** dan **Jabatan Pengairan dan Saliran (JPS)**. Kajian Kejuruteraan Nilai ini bertujuan untuk mengoptimumkan rekabentuk bagi mempertingkatkan fungsi dan kualiti projek serta keberkesanaan kos mengikut skop dan bajet yang telah diluluskan oleh agensi pusat.

3. PEMAKAIAN DOKUMEN

- 3.1 Tujuan dokumen ini adalah untuk menetapkan proses, prosedur, *tools* dan teknik bagi mengaplikasi kajian Kejuruteraan Nilai serta mewujudkan standard amalan pelaksanaannya dalam projek Kerajaan. Di samping itu, dokumen ini juga menggariskan polisi jabatan berkaitan tadbir urus dan rangka kerja bagi menginstitusikan Kejuruteraan Nilai dalam organisasi JKR.
- 3.2 Dokumen ini disediakan sebagai panduan dan bahan rujukan kepada pihak yang terlibat secara langsung dengan pelaksanaan Kejuruteraan Nilai seperti Fasilitator, Agensi Pelanggan, Pengurus Program, Pengurus Projek dan Pasukan Rekabentuk serta pihak lain yang terlibat dalam kajian berkenaan. Selain itu, dokumen ini juga boleh dijadikan panduan dan rujukan oleh pihak lain yang berkaitan dengan pelaksanaan dan amalan Kejuruteraan Nilai dalam industri.

4. EDARAN DAN KAWALAN DOKUMEN

- 4.1 Sekiranya terdapat sebarang pertanyaan lanjut, sila hubungi:

Unit Pengurusan Nilai dan *Partnering*
Cawangan Pengurusan Projek Kompleks
Ibu Pejabat JKR Malaysia,
Tingkat 22, Menara PJD,
No. 50, Jalan Tun Razak,
50400 Kuala Lumpur.

Tel : 03- 2610 8888 (Talian Am JKR)
Faks : 03- 4041 2009

- 4.2 Salinan dokumen ini boleh diakses melalui laman web JKR melalui <http://rakan.jkr.gov.my/prokom>. Sebarang pindaan atau perubahan kepada dokumen ini akan dikemaskini dalam laman web berkenaan.


5. KUAT KUASA

Surat Arah ini berkuatkuasa serta-merta dan terpakai bagi tempoh **LIMA TAHUN** dari tarikh ianya ditandatangani melainkan jika terdapat arahan dasar terkini atau perkembangan baru yang memerlukan dikaji semula dan dikemaskini lebih awal atau sebelum tempoh tersebut berakhir.

Sekian, terima kasih.

“BERKHIDMAT UNTUK NEGARA”

Saya yang menurut perintah,



(DATO' SERI Ir. HJ. MOHD NOOR BIN YAACOB)

Ketua Pengarah Kerja Raya
Malaysia.

s.k.

- Timbalan Ketua Pengarah Kerja Raya (Sektor Bisnes)
- Timbalan Ketua Pengarah Kerja Raya (Sektor Pengurusan)
- Timbalan Ketua Pengarah Kerja Raya (Sektor Pakar)
- Pengarah Kanan Cawangan Pengurusan Projek Kompleks
- Pengarah Cawangan Pengurusan Korporat
- Ketua Bahagian Pengurusan Kualiti, Cawangan Pengurusan Korporat
- Ketua Pejabat Portfolio Projek